



PERKEMBANGAN AMALAN TERJEMAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA: SATU KAJIAN KONSTRASTIF

[THE DEVELOPMENT OF AL-QURAN TRANSLATION PRACTICES IN
MALAYSIA: A CONTRASTIVE STUDY]

Mohd Fahimi Zakaria

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA

Corresponding Author: *mfahimi@uitm.edu.my*

Received: 8/12/2022

Accepted: 19/1/2023

Published: 31/3/2023

Abstrak

Fenomena terjemahan al-Quran telah berlaku sejak sekian lama melalui usaha dan kesungguhan para ilmuwan Melayu yang pulang dari Timur Tengah khususnya. Fasa awal terjemahan dilakukan adalah untuk memberi kefahaman asas agama Islam kepada umat Islam seperti memahami makna bacaan solat, doa pendek, zikir ringkas harian dan wirid harian supaya dapat membantu untuk melaksanakan ibadah dengan lebih khusyuk. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui fenomena dan sejarah terjemahan al-Quran di Malaysia serta isu-isu yang berkaitan dengan terjemahan al-Quran seperti karya terjemahan terpilih, latar belakang penterjemah, sejarah terjemahan dan pendekatan terjemahan yang digunakan. Kaedah kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dan analisis tekstual terhadap dua buah karya terjemahan al-Quran yang dipilih berdasarkan ciri-ciri keunikan dan keistimewaannya. Kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua karya terpilih ini mempunyai beberapa perbezaan dari aspek penterjemah, sejarah dan pendekatan terjemahan. Hal ini disebabkan elemen terjemahan klasik dan moden yang masing-masing menonjolkan nilai dan kualiti terjemahan yang tersendiri.

Kata kunci: terjemahan al-Quran, terjemahan klasik, terjemahan moden

Abstract

The phenomena in translation of the al-Quran have occurred for a long time through the efforts and determination of Malay scholars who returned from the Middle East in particular. The initial phase of the translation is done to give a basic understanding of Islam to Muslims such as understanding the meaning of prayer recitation, short prayers, daily brief remembrance and daily wirid in order to help to perform worship with more devotion. Therefore, this study was conducted to find out the phenomenon and history of al-Quran translation in Malaysia and issues related to al-Quran translation such as

selected translation works, translator background, translation history and translation approach used. The research method used is a qualitative approach and textual analysis of two works of translation of the Qur'an selected based on its unique and special characteristics. This study shows that these two selected works have some differences in terms of translators, history and translation approaches. This is due to the elements of classical and modern translation, each of which highlights its own translation value.

Keywords: Quranic translation, classical translation, modern translation

PENDAHULUAN

Menelusuri sejarah terjemahan al-Quran di Malaysia merupakan satu kajian bersifat deskriptif yang bersifat penting khususnya kepada pengkaji bidang terjemahan al-Quran. Terjemahan al-Quran dianggap sebagai terjemahan agama yang merupakan sub-bidang kepada bidang terjemahan dalam pengajian ilmu linguistik terapan (Ahmad, 2010). Malaysia sebuah negara yang meletakkan agama Islam sebagai agama persekutuan (Idris, 2019) pastinya mempunyai sumbangannya yang tersendiri khususnya dalam terjemahan al-Quran bahasa Melayu. Terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu bermula sejak kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu pada tahun 840 melalui pemerintahan Sultan Alaiddin Syed Maulana Abdul Aziz Syah di Perlak yang menjadi pencetus awal dalam dunia penyebaran ilmu-ilmu Islam melalui penulisan dan penterjemahan buku agama (Hashim & Halimah, 2012).

Sebanyak 900 judul berbeza yang terdiri daripada bidang fekah, aqidah dan usuluddin, nahu Arab, hadis, tasawuf dan tarekat , akhlak, doa, wirid dan munajat, kisah anbia yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan tulisan jawi yang dikenali sebagai 'kuning kuning' . Era penterjemah pada zaman ini dikenali sebagai era kedua pengembangan agama iaitu era penterjemahan bahan-bahan agama seperti al-Quran, kitab agama dan buku berbahasa Arab bagi keperluan pendidikan agama masyarakat Islam. Penterjemah pada era ini terdiri daripada guru agama, mubaligh dan penterjemah istana (Puteri Roslina, 2012). Bahasa Melayu yang pernah digunakan antara tahun 1200-1300 ini dikenali sebagai bahasa Melayu klasik kerana mempunyai ciri-ciri tertentu seperti tulisan Jawi, aksara Arab dan banyak berunsurkan agama Islam.

Pada waktu ini, terjemahan al-Quran berlaku secara sederhana dan memberi fokus kepada asas kefahaman Islam seperti memahami bacaan dalam solat, wirid pendek, zikir harian, doa-doa ringkas dan juga surah-surah lazim sahaja. Para guru terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang baik dan mampu memahami bahasa Arab dengan sempurna. Konsep terjemahan yang digunakan ialah terjemahan perkataan demi perkataan, iaitu terjemahan yang terikat dengan bahasa sumber (Newmark, 1988). Konsep ini juga dikenali sebagai terjemahan literal, namun Munday (Idris, 2014) menganggap kedua-dua konsep sama sahaja.

Terjemahan Arab-Melayu khususnya dalam bidang agama mula berkembang selepas daripada itu dengan mendapat sokongan dan kerjasama daripada agensi-

agensi kerajaan. Kajian Muhammad Firdaus dan Maheram (2018) juga mendapati bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka, Persatuan Penterjemah Malaysia dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia juga memainkan peranan yang penting dalam bidang terjemahan walaupun jumlah buku terjemahan masih lagi tidak mencukupi kehendak pasaran selain bahan terjemahan hanya terbatas kepada bidang-bidang tertentu sahaja.

Kajian ini cuba melihat sejarah terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu di Malaysia dengan bersandarkan kepada beberapa rujukan seperti temu bual dengan penulis, kajian ilmiah, buku berkaitan dan laman sesawang yang diiktiraf seperti jabatan dan agensi kerajaan. Justeru itu kajian ini memilih dua buah karya terjemahan yang dianggap mempunyai kredibiliti dan telah dikaji oleh ramai sarjana dan penyelidik yang bersangkutan dengan bidang terjemahan al-Quran seperti bidang qiraat, tafsir, fekah dan hadis. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengkaji satu bahagian sahaja iaitu terjemahan. Seterusnya mengenali karya tersebut secara lebih dekat melalui isi kandungan, penterjemah, latar belakang pendidikan penterjemah dan kaedah terjemahan yang digunakan dan bagaimana pengaruh karya tersebut dalam kalangan penuntut ilmu agama Islam di Malaysia.

TERJEMAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Berdasarkan bukti sejarah dan peradaban Melayu, terjemahan al-Quran dimulakan selepas kemasukan orang Arab melalui kerajaan Melayu Melaka dan mereka tinggal di Tanah Melayu atas faktor perniagaan, perkahwinan dan penyebaran agama Islam (Zainur Rijal & Rosni, 2007). Dalam kajian Idris (2019) mendapati bahawa faktor keislaman yang kuat di dalam diri orang Melayu khususnya sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 telah mendorong mereka untuk mempelajari bahasa Arab yang menjadi teras bahasa al-Quran. Mohd Shukri (2003) mengatakan bahawa penterjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu bermula pada tahun 1937 yang diasaskan oleh Muhammad Ma'dah bin Layang yang berpusat di Negeri Sembilan. Antara murid beliau yang juga penyebar dan penyambung usaha menterjemah al-Quran ini termasuklah Abdul Aziz Yunus, Hashim Abdul Ghani dan Shamsiah Fakeh. Bermula daripada memahami al-Quran secara terjemahan harfiyyah (literal) sehingga terjemahan tafsiriyyah (maknawi) di samping menguasai ilmu-ilmu bahasa Arab seperti nahw, sarf dan balaghah.

Penterjemahan al-Quran pada peringkat awal menekankan kefahaman secara literal sahaja disebabkan pada masa itu masih ramai orang Islam tidak memahami ilmu-ilmu bahasa Arab khususnya sintaksis, morfologi dan retorik yang menjadi alat penting untuk memahami al-Quran. Hasan (2001) pula berpendapat bahawa bahasa Arab berbeza dengan bahasa al-Quran dari segi makna literal dengan makna tafsir, bahkan penterjemahan al-Quran hanya boleh dilakukan oleh orang Islam yang memahami bahasa Arab dengan baik. Sementara Idris (2019) pula merumuskan walaupun usaha penterjemahan al-Quran pada peringkat awal dilarang oleh sarjana Islam kerana al-Quran merupakan mukjizat dan mempunyai bahasa khusus yang tidak mampu disampaikan dalam bahasa lain, namun ia dibolehkan jika bertujuan

untuk memberi kefahaman kepada golongan pembaca yang tidak memahami bahasa Arab kerana terjemahan merupakan satu-satunya jalan penyelesaian.

Aktiviti penterjemahan al-Quran pada hari ini mempunyai garis panduan dan kawalan dari segi latar belakang penterjemah, pendidikan, kepakaran dan kemampuan yang baik dalam bahasa Arab supaya hasil terjemahan al-Quran tersebut dapat membantu pembaca untuk memahami isi kandungan al-Quran dengan konsep yang betul. Kawalan ini adalah daripada agensi kawalan yang ada di Malaysia seperti Kementerian Dalam Negeri , Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di samping tertakluk pada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) dan Akta Pencetakan Teks al-Quran 1986 (Akta 326) (Kasyfullah & Idris, 2016).

Terjemahan al-Quran pertama ditulis oleh Abdullah Basmeh pada tahun 1970 yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri yang dikenali sebagai ‘Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran’ (Mohd Shukri, 2003). Kini TPR telah diulang cetak lebih dari 10 kali oleh pelbagai penerbit dengan mendapat keizinan daripada kerajaan melalui JAKIM. Bahkan pengkaji sendiri memiliki naskhah TPR cetakan ke-11 (Darul Fikir, 2000/1421). Pada tahun 1975 Hashim Abdul Ghani selesai menulis sebuah lagi al-Quran terjemahan yang dikenali sebagai ‘Induk Kamus Pelajaran Menterjemah al-Quran yang diterbitkan oleh Institut Kursus Terjemahan al-Furqan (KTF) yang menggunakan kaedah terjemahan harfiyyah. Seterusnya pada tahun 1992 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula menerbitkan terjemahan al-Quran yang dikenali sebagai ‘al-Quran al-Karim, Terjemahan dan Huraian’ (QTH) yang ditulis oleh Muhammad Uthman al-Muhammadiy. Namun begitu, terjemahan ini bukanlah terjemahan asli kerana ia merupakan terjemahan daripada versi bahasa Inggeris iaitu ‘The Holy Quran, Translation and Commentary yang pastinya agak jauh daripada makna teks al-Quran (Mohd Shukri, 2003).

Selain itu, terdapat terjemahan al-Quran secara mengikut juzuk seperti terjemahan juzuk Amma sahaja, terjemahan surah-surah pilihan yang menjadi bacaan harian umat Islam seperti terjemahan surah Yaasin, al-Kahf, al-Waqi’ah dan sebagainya. Sungguhpun terdapat beberapa lagi karya terjemahan al-Quran yang ditulis lebih awal, namun hasilnya kurang mendapat sambutan secara meluas kerana konsep yang digunakan tidak menepati kehendak masyarakat pembaca yang dominan pada waktu itu. Sebagai contoh, terjemahan yang berjudul ‘Quran Bergantung Makna Jawi – Bagi bacaan Anak-anak Sehari-hari’ ditulis oleh Abdullah Haji Abbas Nasution pada tahun 1968 dan diterbitkan oleh Maktabah Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawiy, Pulau Pinang yang hanya menggunakan bahasa yang rendah untuk peringkat kanak-kanak. Kemudian sebuah lagi terjemahan al-Quran iaitu ‘Bacaan’ yang ditulis oleh Othman Ali pada tahun 1994, namun diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) lantaran terjemahannya tidak disertakan dengan teks al-Quran, tiada rujukan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan terdapat idea-idea yang bercanggah dengan disiplin pengajian Islam.

Sebelum penerbitan TPR (1970), kajian mendapati bahawa kebanyakan karya terjemahan al-Quran menggunakan kaedah terjemahan harfiyyah dan perkataan demi perkataan. Kaedah ini sesuai pada waktu tersebut kerana tujuan pembelajarannya yang hanya terhad kepada hal-hal tertentu sahaja seperti keperluan

ibadah masyarakat awam. Namun penerbitan TPR secara rasmi menggunakan bahasa Melayu moden yang menepati sistem dan struktur bahasa sasaran dianggap menjadi satu kebanggaan oleh pembaca bahasa Melayu (Azmi, 2013). Banyak kajian ilmiah berkaitan terjemahan TPR yang diterbitkan sebagai buku akademik, jurnal ilmiah dan penyelidikan di peringkat institut pengajian tinggi seperti konsep, metod, kaedah dan kesan (Mohd Fahimi, 2021a).

Berdasarkan aktiviti penterjemahan al-Quran dan karya-karya yang ditampilkan ini, jelaslah bahawa kegiatan penterjemahan al-Quran di Malaysia telah berlaku seawal tahun 1937 lagi sehingga terhasil sebuah terjemahan al-Quran lengkap 30 juzuk pada tahun 1975. Usaha gigih yang dilakukan oleh golongan awal sehingga hari ini membuktikan bahawa usaha penambahbaikan terjemahan al-Quran sentiasa berlaku dengan aktif lebih-lebih apabila bidang terjemahan ini telah diangkat menjadi topik perbincangan penting, subjek pengajian akademik dan program pengajian di peringkat pengajian tinggi. Terjemahan al-Quran hari ini telah membawa kajian yang mendalam seperti linguistik al-Quran dari segi sintaksis, morfologi, retorik, semantik dan juga leksikal bahasa Arab. Hasilnya, masyarakat pembaca bahasa Melayu khususnya dalam kalangan masyarakat Islam mampu memahami al-Quran dengan terjemahan bahasa Melayu moden yang mengutamakan sistem dan struktur bahasa Melayu tanpa menghilangkan keindahan bahasa kitab suci ini.

TAFSIR NŪR AL-IHSĀN

Kajian ini akan membincangkan dua buah al-Quran terjemahan iaitu *Tafsir Nūr al-Ihsan* (TNI, 1970) dan *al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (QMMT, 2005). Kedua-dua sampel ini mengandungi keistimewaan dan keunikannya dari segi sejarah penterjemahan, latar belakang penulis dan kaedah terjemahannya.

Sejarah

TNI sebuah karya terjemahan klasik atau lebih tepat dialek Melayu Kedah dengan menggunakan tulisan Jawi yang dikarang oleh Haji Muhammad Said Umar pada tahun 1925/1344. Menurut Mohd Fahimi (2021) TNI siap ditulis pada tahun 1927 dan kali pertama diterbitkan di Mekah pada tahun 1929, seterusnya di Bangkok (1934) dan Pulau Pinang (1936). Berdasarkan cetakan yang ketiga (Pulau Pinang) ini, maka cetakan demi cetakan TNI di Malaysia seterusnya menggunakan cetakan ini sehingga sekarang. Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa TNI juga pernah dicetak di Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah (Mesir) pada tahun 1926 (Haziyah et al. 2017), namun pengkaji berpendapat mungkin hal ini tidak berlaku kerana pengarang sendiri dengan jelas menyatakan bahawa karyanya ini selesai ditulis pada 1 oktober 1927 (Haziyah et al. 2017). Ia lengkap 30 juzuk al-Quran dan terdiri daripada empat jilid (Muhammad Said, 1970/1391).

Penghasilan TNI pada asalnya adalah kerana memenuhi permintaan para pelajar beliau yang terdiri daripada masyarakat setempat di Kedah supaya menulis sebuah kitab tafsir dengan bahasa yang mudah dan huraian yang jelas supaya dapat

memahami ajaran Islam melalui terjemahan dan tafsiran kitab suci al-Quran (Muhammad Said, 1970/1391). Mohd Sholeh (2014) pula mengumpulkan 11 rujukan tafsir muktabar yang menjadi sandaran dalam penghasilan TNI ini iaitu:

1. *Tafsir al-Jalālayn*
2. *Tafsir al-Bayḍāwi*
3. *Tafsir al-Jamāl*
4. *Tafsir al-Nafasi*
5. *Tafsir al-Tabari*
6. *Tafsir Ibn Kathīr*
7. *Tafsir al-Khāzin*
8. *Tafsir al-Baghāwiy*
9. *Tafsir al-Qurṭubi*
10. *Tafsir al-Rāzi*
11. *Tafsir Tha’labi*

TNI hanya dapat dibaca oleh golongan tertentu sahaja, iaitu mereka yang biasa mempelajari kitab jawi lama dan mempunyai latar belakang pengajian agama. Namun bagi kebanyakan pembaca Bahasa Melayu moden mungkin sukar untuk membaca dan memahami isi kandungan TNI. Justeru, terdapat kajian-kajian berkaitan terjemahan dibuat dalam usaha ke arah penambahbaikan teks terjemahan dalam bahasa Melayu supaya manfaatnya dapat diperoleh oleh sebanyak mungkin golongan pembaca.

Latar Belakang Penterjemah

Seperti yang dijelaskan sebelum ini bahawa TNI juga dianggap sebagai sebuah terjemahan al-Quran ia mengandungi teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Oleh itu pengarang TNI juga dianggap sebagai seorang penterjemah al-Quran dan proses penterjemahan yang dilakukan oleh beliau menjadi satu keperluan untuk dikaji dan dianalisis. Haji Muhammad Said Umar merupakan seorang ulama Melayu yang mempunyai nama yang besar bukan sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara lain seperti Mekah, Thailand dan Mesir. Beliau dilahirkan pada tahun 1854/1275 di Kampung Kuar, Jerlun, Kedah (Haziyah et al. 2017). Beliau memperuntukkan sepenuhnya hidupnya kepada usaha-usaha dakwah dan penyebaran ilmu agama kepada masyarakat Islam sehingga dipanggil dengan gelaran lebai, mufti dan qadi.

Beliau banyak menjelajah ke beberapa tempat sejak kecil lagi kerana mengikuti bapanya seperti ke Kerian (Perak), Sungai Acheh (Pulau Pinang) dan kembali semula ke Kedah pada tahun 1312 Hijrah (Mazlan et al. 2018). Haji Muhammad Said

mendapat pendidikan di Pondok Bendang Daya, Petani dan seterusnya Mekah al-Mukarramah. Ketika di Petani, beliau berguru dengan beberapa orang ulama besar antaranya Sheikh Haji Wan Mustafa Wan Muhammad, Sheikh Wan Abdul Qadir Wan Mustafa al-Fatani dan Syeikh Wan Sulaiman Wan Sididiq (Haziyah et al. 2017). Selepas menetap di Mekah dalam tempoh yang lama, beliau pulang ke tanah air dan mendirikan rumah tangga bersama beberapa orang isteri.

Isteri pertama bernama Fatimah, iaitu ketika beliau berada di Kerian. Melalui perkahwinan pertama ini, mereka dikurniakan tiga orang anak. Namun tidak bertahan lama kerana isteri pertama meninggal dunia dalam usia yang muda. Seterusnya beliau berkahwin dengan isteri kedua iaitu Hajah Rahmah dan mereka berpindah ke Kampung Kedah, Sungai Aceh. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan empat orang anak. Seterusnya beliau berkahwin dengan isteri ketiga iaitu Hajah Hamidah dan dikurniakan 10 orang anak (Mazlan et al. 2018). Setelah lama menetap di Perak, Tengku Mahmud menjemput Haji Muhammad Said untuk pulang berkhidmat di Kedah dan diberikan sebidang tanah di Kancut, Alor Setar. Beliau kemudian dilantik sebagai Guru Diraja untuk mengajar tafsir al-Quran kepada anak-anak kerabat di istana (Mohd Nazri et al. 2016).

Kerjaya akhir beliau ialah Qadi di daerah Jitra sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1932. Haji Muhammad Said sangat aktif mengajar dan menyampaikan ilmu agama sejak menetap di Perak lagi, bahkan beliau mempunyai pondok pengajian sendiri di Kerian dan Sungai Aceh selain menyampaikan kuliah-kuliah agama di sekitar surau dan masjid di Kedah (Haziyah et al. 2017). Kesibukan beliau dengan kerja hakikinya tidak menghalang beliau untuk terus menulis dan membimbing masyarakat Islam yang sentiasa mendambakan mutiara ilmu beliau.

Haji Muhammad Said meninggal dunia pada hari Rabu selepas Asar, 9 Mac 1932/1350 akibat lumpuh sebelah badan. Jenazah beliau disemadikan di Perkuburan Islam Masjid Alor Merah, Alor Setar, Kedah (Rabiah et al. 2019). Beliau pulang ke negeri abadi pada usia 78 tahun di rumah isteri ketiga iaitu di Kancut ketika sedang berlawan dengan lumpuh sebelah badan selepas pembedahan. TNI menjadi bukti sumbangannya besar beliau dalam bidang tafsir sehingga menjadi rujukan ramai asatizah sehingga hari ini, bahkan terdapat institusi pengajian tinggi yang menggunakan TNI sebagai silibus pengajian program-program pengajian Islam (Haziyah et al. 2017).

AL-QURAN MUSHAF MALAYSIA DAN TERJEMAHAN

Sejarah

Yayasan Restu (YR) ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai sebuah organisasi yang tidak berorientasikan keuntungan manakala objektif penubuhannya adalah untuk menyebarkan mesej Islam di seluruh dunia, memperkuat iman umat Islam dan menghidupkan semula serta memulihkan bidang seni Islam (Nasimah et al., 2020). YR beroperasi di Kompleks Taman Seni Islam Selangor, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan manakala pada tahun 2017 YR berjaya membina Kompleks Nasyrul Quran di Presint 14, Putrajaya, dan kompleks ini dijadikan pusat cetakan al-Quran Malaysia.

Kompleks ini ialah kompleks percetakan al-Quran kedua terbesar di dunia selepas Kompleks Raja Fahad di Madinah al-Munawwarah (Nasyrul Quran, 2022).

QMMT merupakan salah satu produk al-Quran terjemahan YR sebagai satu inisiatif yayasan ke arah usaha menyampaikan dakwah kepada umat Islam di Malaysia melalui terjemahan al-Quran. Menurut Dato' Abdul Latiff Mirasa (Pengerusi YR, 2011) bahawa penghasilan QMMT adalah merupakan projek kesinambungan daripada al-Quran Mushaf Malaysia (QMM) yang diterbitkan pada bulan Mac 2000. QMM ini dicetak dalam dua versi iaitu Taba'ah Ma'arif al-Jamal dihasilkan bagi tujuan bacaan umum (cetakan awam) manakala versi Taba'ah 'Ain al-Taqwa pula merupakan cetakan koleksi. Teks QMMT juga diambil daripada teks asal QMM yang mengekalkan kaedah Rasm Uthmani (Nasyrul Quran, 2022).

Majlis pelancaran QMMT dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 10 September 2005 di Masjid al-Taqwa Mak Mandin, Pulau Pinang (Makmur et al., 2016). Penerbitan QMMT telah mendapat pengesahan oleh Bahagian Kawalan Teks al-Quran, Kementerian Dalam Negeri pada 29 Disember 2004 (YR, 2011). Pengkaji sendiri memiliki QMMT cetakan keenam (2011) yang menjadi sampel utama kajian terjemahan moden kerana ia mempunyai elemen terjemahan yang tersendiri dari aspek definisi, ciri-ciri, sejarah penterjemahan, latar belakang penterjemah, pendekatan terjemahan dan pengaruh pembaca yang membezakannya dengan terjemahan klasik.

Cetakan pertama QMMT pada tahun 2005 dan cetakan terkini ialah cetakan kelapan pada tahun 2012 (Nasimah et al., 2020). Karya ini dihasilkan oleh ahli Lajnah Terjemahan dan Tafsir YR yang terdiri daripada ahli akademik dari institut pengajian tinggi (IPT) dan jabatan mufti. Sehingga kini, QMMT telah diulang cetak sebanyak lapan kali dan menampilkan kulit lembut dan kulit keras dengan beberapa variasi warna. Karya ini merupakan satu terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu moden (BMM) yang sangat popular kerana telah diulang cetak sebanyak lapan kali sejak penerbitannya. Terjemahan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu di Malaysia kerana kaedah terjemahan makna (tafsiriyyah) yang mudah difahami oleh semua pembaca ditambah dengan reka bentuk grafik yang menarik.

Latar Belakang Penterjemah

Projek terjemahan QMMT dibuat oleh sekumpulan penterjemah atau dikenali sebagai terjemahan berkumpulan dari pelbagai entiti seperti penterjemah YR sendiri, pensyarah universiti awam dan jabatan mufti. Seramai 14 ahli Lajnah Terjemahan dan Tafsir YR yang terlibat secara langsung dalam penghasilan QMMT iaitu:

1. Dato' Abdul Latiff Mirasa (Pengerusi Yayasan Restu merangkap pengurus lajnah)
2. Encik Vo Hu-Sin Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Restu)
3. Ustaz Hj. Muhammad Fadli Ismail (Pengurus Besar Yayasan Restu)

4. Ustaz Wan Abdul Hamid Wan The (Pentashih al-Quran Yayasan Restu)
5. Ustaz Ilham Ihsan (Pentashih al-Quran Yayasan Restu)
6. YB Datuk Hj. Ahmad Hj. Maslan (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
7. Ustaz Othman Hamzah (Panel Lujnah Penyemakan Al-Quran, Bahagian Penguatuasaan dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri)
8. SS. Dato' Seri Utama Diraja Hj. Mohd Tamyes Abdul Wahid (Mufti Negeri Selangor)
9. SS. Dato' Hj. Hassan Hj. Ahmad (Mufti Negeri Pulau Pinang)
10. Dr. Muhammad Uthman el-Muhammady (Institut Pemikiran Islam dan Tamadun Antarabangsa (ISTAC) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
11. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Radzi Othman (Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia)
12. Dato' Prof. Dr. Mohd Yaakub@ Zulkifli Mohd Yusof (Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)
13. Dr. Abdul Wahab Salleh (Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia)
14. Ustaz Shukeri Hamzah (Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia)

Berdasarkan maklumat latar belakang penterjemah ini, pengkaji ingin menegaskan bahawa terjemahan berkumpulan didapati menjadi salah satu elemen terjemahan moden. Hal ini kerana terjemahan berkumpulan dibuat melalui inisiatif organisasi tertentu sama ada badan kerajaan atau swasta. Penegasan ini juga selari dengan kajian Azmi (2013) yang menyebut bahawa terjemahan berkumpulan dilihat mampu menghasilkan terjemahan lebih baik dan tidak begitu terpengaruh dengan gaya bahasa sumber. Hal ini mungkin disebabkan kepakaran bidang yang berbeza antara penterjemah telah mampu menghasilkan terjemahan yang lebih bermutu. Perkara ini sudah dinyatakan oleh Yayasan Restu (2011) bahawa para penterjemah terdiri daripada mereka yang pakar bidang bahasa Arab, bahasa Melayu dan pengajian Islam seperti Syariah dan Tafsir al-Quran.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seterusnya kajian cuba menganalisis fenomena terjemahan kedua-dua terjemahan ini dari aspek kaedah terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dan kaitan dengan konsep terjemahan yang diperkenalkan oleh sarjana terjemahan.

Terjemahan TNI

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ﴾

Dan jika ada kamu pada syak daripada Quran yan telah kami turun atas hamba kami Muhammad adakah daripada Allah atau tiada maka bawa datang oleh kamu dengan satu surah daripada seumpamanya

(Surah al-Baqarah: 23)

Terjemahan ini berlaku kaedah penambahan (*addition*) kata kerja baharu iaitu *datang* pada terjemahan perkataan فَأَتُوا yang memadai dengan menghadirkan salah satu terjemahan sahaja sama ada bawa atau datang. Newmark (1988) menyatakan kaedah penambahan ini dikenali sebagai kategori *addition within the text* yang dapat dilihat apabila ayat فَأَتُوا yang bermaksud *bawa* ditambah lagi dengan perkataan *datang* sebagai memberi kefahaman kepada pembaca. Namun bagi pembaca yang tidak memahami bahasa Arab, maka mereka akan keliru yang mana maksud sebenar sama ada *bawa* atau *datang*. Selain itu, kaedah ini juga kadangkala membawa implikasi negatif kerana boleh mengganggu tumpuan pembaca, menimbulkan keadaan tidak selesa dan menyukarkan mereka sekiranya bab tersebut terlalu panjang (Idris, 2014).

Pemilihan kaedah penambahan ini dilihat dapat menjelaskan kesamaran antara perkataan *bawa* dengan *bawa datang*. Sementara kaedah terjemahan literal masih dikekalkan seperti yang mana penterjemah tidak memasukkan unsur kata kerja perintah seperti *bawalah*, *datanglah* atau *bawa datanglah* yang sekali gus menjadikan terjemahan ini kurang peka pada sistem tatabahasa bahasa Melayu.

Terjemahan QMMT

﴿ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً﴾

Kemudian sesudah itu, hati kamu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi

(Surah al-Baqarah: 74)

Perkataan قَسَتْ iaitu *telah keras* (KBDAM, 2006) diterjemah sebagai *menjadi keras* mengandungi unsur idiomatik dan komunikatif. Ungkapan *hati menjadi keras* dilihat sesuai dengan konteks pembaca Melayu berbanding *hati telah keras* yang agak kekok dan terikat dengan teks sumber yang mengandungi unsur masa lepas (*past tense*). Justeru terjemahan *menjadi keras* lebih relevan memandangkan ayat ini menceritakan implikasi ke atas mereka yang ingkar dengan para nabi dan menolak dakwah yang disampaikan sebelum itu (al-Şābūniy, 1979). Maka boleh jadi jika mereka mengikuti ajaran nabi hati mereka akan menjadi lembut, hal ini kerana sifat hati yang berubah-ubah kerana iman manusia yang sentiasa bertambah dan berkurang. Justeru *keras* di sini bukanlah hati, tetapi sifat batu yang sukar menerima perubahan (Hamka, 2015).

Seperkara lagi, penterjemah mengaplikasi strategi terjemahan transposisi (Vinay & Darbelnet, 1995) apabila kata kerja (فَسْتَ) diterjemah sebagai kata adjektif (menjadi keras), namun mesej sebenar teks sumber masih dikenalkan. Perkataan asalnya فَسِيٰ iaitu kata kerja lepas (al-Qādī, 2010) manakala *keras* pula kata adjektif, lawannya lembut (Kamus Dewan, 2015). Terjemahan tafsiriyah yang diaplikasi ini lebih berkesan dalam minda pembaca bahasa sasaran apabila penterjemah mampu menghasilkan teks terjemahan yang bersifat semula jadi melalui aplikasi beberapa strategi terjemahan yang sesuai.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengenal pasti fenomena terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu di Malaysia melalui perbincangan tentang al-Quran terjemahan terpilih, latar belakang penterjemah, sejarah dan pendekatan terjemahan yang digunakan. Pengkaji dapat merumuskan bahawa kedua-dua terjemahan al-Quran (TNI dan QMMT) yang dikaji ini mengandungi ciri dan keunikan yang tersendiri sebagai sebuah terjemahan klasik dan terjemahan moden berdasarkan beberapa elemen yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini juga menjadikan pendekatan terjemahan yang digunakan antara terjemahan moden dan klasik juga berbeza serta golongan pembaca juga berbeza. Kajian ini menunjukkan bahawa fenomena terjemahan al-Quran di Malaysia telah bermula sejak sekian lama melalui usaha gigih para ulamak Melayu sehingga terhasil karya terjemahan al-Quran yang bermanfaat kepada umat Islam Melayu di Malaysia. Pengkaji berpendapat bahawa terjemahan al-Quran yang ada pada hari ini dapat menjadi solusi kepada golongan pembaca untuk memilih mana yang disukai sama ada terjemahan yang berbentuk klasik mahupun moden kerana kedua-duanya memiliki nilai keunikan yang tersendiri.

RUJUKAN

- _____. (2017). *Tafsir Nur al-Ihsan*, Jilid 1 (Edisi tahkik Haziyah Hussin et. al). Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- _____. (2021). Kaedah Terjemahan Kata Kerja dalam al-Quran: Analisis surah al-Baqarah dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 7(1), 131-150.
- _____. (2022). Tarīqah fī Tarjamah al-Qur'ān: Dirāsah Muqāranah fi sūrah al-Baqarah bayna Tafsīr al-Rahmān li Ma'ānī al-Qur'ān wa Tafsīr Nūr al-Iḥsān. *Jurnal al-Širāṭ*, 21(1), 65-69.
- Aḥmad Shaykh 'Abd al-Salām. (2010). *Muqaddimah fi 'Ilm al-Lughah al-Taṭbīqī*. Gombak: IIUM Press.
- Azmi Subhi. (2013). *Terjemahan Surah al-Qiyamah ke bahasa Melayu: Satu Analisis Perbandingan* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Bahrum Faizan & Haziyah Hussin. (2014). Kaedah Terjemahan Nas al-Quran dalam *Tafsir Nur al-Ihsan. Islamiyyat*, 36 (1), 33-40.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. (2012). *Isu Sosiolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Mustapha. (2001). *Koran Translation*. In Mona Baker (Ed.). Routledge Encyclopedia of Translation Studies (200-204). London and New York: Routledge Taylors and Francis Group.
- Idris Mansor. (2019). Terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu. Dlm Idris Mansor (Sunt.). *Isu-isu dalam Terjemahan Arab-Melayu* (68-96). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazlan Ibrahim, Jawiah Dakir & Muhd Najib Abdul Kadir. (2018). *Pengenalan Tokoh Tokoh dan Kitab Tafsir Melayu Ulama Nusantara* (Sunt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fahimi Zakaria. (2020). Asālib al-Tarjamah fī 'Afāl al-Amr fī al-Qurā'n al-Karīm: Tahlīl sūrah Yāsīn min Tafsīr Nūr al-Ihsān. *Jurnal Kesidang*, 5(1), 147-159.
- Mohd Nazri Ahmad, Muhd Najib Abdul Kadir, Haziyah Hussin. (2016). Pengaplikasian Kaedah Tafsir Al-Quran dengan Qiraat oleh Muhammad Said bin Umar di dalam Tafsir Nurul Ihsan. *Jurnal al-Turath*, 1(1), 65-73.
- Mohd Sholeh Sheh Yusuff, Mohd Nizam Sahad, Siti Hajar Che Man. (2014). Tafsir Nur Al-Ihsan oleh Sheikh Muhammad Said: Suatu Bacaan Intelektual. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 25-40.
- Mohd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan al-Quran dalam pelbagai Perspektif*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Arsyad Abdul Majid. (2009). *Terjemahan Arab-Melayu dari Sudut Makna Pengkhususan: Satu Analisis Pendekapan dalam Surah al-Baqarah* (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Maheram Ahmad. (2018). *Terjemahan Kata Kerja Berimbuhan dalam al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Said Umar. (1970). *Tafsir Nur al-Ihsan*. Matba'ah bin Halabi: Pattani.
- Munday, J. (2009). *The Routledge Companion to Translation Studies*. London & New York: Routledge.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. Hempstead: Prentice Hall.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Mazlan Ibrahim. (2017). *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. (2007). *Kesan Bahasa Arab dalam Peradaban Melayu di Malaysia*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.